

08/05/2001

Sistem kuota masuk IPTA perlu dipertahan

i; Nazura Ngah

KUALA LUMPUR, Isnin - Sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) masih perlu dipertahankan dan tidak boleh dihapuskan sewenang-wenangnya.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), N Siva Subramaniam, berkata sistem itu masih diperlukan kerana matlamat menyusun masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru (DEB) belum berjaya sepenuhnya.

"Kita tidak boleh kata, kita tidak perlu kuota. Tetapi, kita juga harus menjamin keadilan kepada pelajar cemerlang dengan menempatkan mereka ke IPTA," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan kerajaan memperbanyakkan tempat ke universiti kerana perancangan sistem pendidikan sekarang gagal mengisi kemasukan ramai pelajar cemerlang ke IPTA.

Siva yang juga Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan bersedia menghapuskan sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke IPTA jika rakyat bersetuju dengan tindakan itu.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata terserah kepada rakyat untuk membuat pilihan dan kerajaan bersedia menimbang kehendak mereka.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, juga mahu sistem kuota diteruskan bagi menjamin peluang pendidikan pelajar Bumiputera.

"Sekiranya tahun ini pencapaian pelajar Bumiputera kurang cemerlang, kekosongan itu boleh ditampung oleh bukan Bumiputera tanpa perlu melonggarkan sistem kuota.

"Tempat itu perlu diperuntukkan semula kepada Bumiputera sekiranya jumlah pelajar cemerlang meningkat tahun selepasnya, tanpa perlu mengorbankan sistem berkenaan," katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, pula berkata sistem kuota perlu dipertahankan bagi mewujudkan perseimbangan pencapaian dalam bidang sains dan profesional.

"Mengikut perangkaan, pelajar Bumiputera mengisi 55 peratus daripada kemasukan ke IPTA, manakala bukan Bumiputera 45 peratus.

"Di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) pula kemasukan pelajar Bumiputera hanya 25 peratus, manakala selebihnya dikuasai bukan Bumiputera yang mempunyai sumber ekonomi kukuh," katanya.

Justeru, kata Suhaimi, sistem kuota adalah satu-satunya saluran Bumiputera untuk mendapat peluang pendidikan tinggi bagi membaiki taraf hidup.

Presiden Permuafakatan Pendidikan Mara Malaysia, Hassan Ahmad, berkata jurang pendidikan tinggi akan terus melebar sekiranya tempat Bumiputera ke IPTA diberi kepada orang lain.

"Kita tidak harus mengambil tempat pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran ke IPTA kerana sebahagian mereka dari keluarga miskin yang tidak mampu ke IPTS," katanya.

Beliau mencadangkan supaya lebih banyak sekolah asrama penuh diwujudkan bagi membolehkan pelajar Bumiputera mencatat keputusan cemerlang seperti pencapaian Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Teras Pengupayaan Melayu (Teras) pula menyangkal dakwaan bahawa pelajar Bumiputera tidak berminat dan kurang kelayakan sehingga kuota pelajar Bumiputera tidak dapat dipenuhi di IPTA.

Teras, sebaliknya berpendapat kuota itu dapat dipenuhi sekiranya sistem

kemasukan ke IPTA berjalan lancar dan pemilihan dibuat berdasarkan kemampuan dan kelayakan akademik pelajar.

Presiden Teras, Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata masalah ekonomi keluarga pelajar Bumiputera yang rata-rata berpendapatan rendah dan sederhana, didapati menjadi penyebab utama mereka melupakan hasrat menyambung pelajaran.

"Apabila biasiswa sudah tidak ditawarkan lagi, pelajar ini terpaksa memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang agak membebankan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Di KUALA TERENGGANU, Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata GPMS mengakui pelajar Bumiputera perlu mencipta kecemerlangan, tetapi dalam keadaan sekarang mereka masih memerlukan bantuan untuk berjaya dalam bidang pendidikan.

Bagaimanapun, katanya, bantuan itu bukan untuk selama-lamanya kerana pelajar Bumiputera juga perlu berdikari untuk bersaing dengan kaum lain.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata penghapusan sistem kuota akan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar kurang berkemampuan mendapat pendidikan tinggi.

"Perkara ini ada dibincangkan dalam Kabinet, Rabu lalu dan saya fikir ia satu langkah bijak bagi memastikan negara mempunyai lebih ramai tenaga kerja dengan kelulusan dan kemahiran tinggi.

"Setiap tahun, lebih 1,000 pelajar meminta bantuan MIC untuk mendapatkan tempat di IPTA kerana kedudukan kewangan mereka tidak memadai bagi membiayai pengajian di IPTS, walaupun lulus cemerlang.

"Dalam tempoh dua bulan lalu saja, MIC menyenarai pendek lebih 300 pelajar cemerlang yang gagal memasuki IPTA dan sudah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan," katanya selepas menghadiri perayaan Chitrai Pournami di Kuil Sri Samayapurattu Mariamman di sini, hari ini.

Samy Vellu berkata, kesediaan kerajaan menghapuskan kuota kemasukan IPTA adalah satu langkah baik kerana ramai pelajar bukan Bumiputera lebih berminat belajar di IPTA berbanding IPTS.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, juga menyambut baik kesediaan kerajaan menghapuskan sistem kuota kemasukan ke IPTA.

"Takkan kita nak terus biarkan mereka yang berpotensi memasuki IPTA diabaikan. Jika masalah itu berlarutan hanya disebabkan tempat terhad, saya cadangkan sediakan lebih banyak tempat di IPTA.

"Jika tidak mereka akan menyambung pelajaran di luar negara, kemudian berkhidmat di negara itu. Akibatnya, berlaku pengaliran tenaga kerja mahir ke luar negara dan akhirnya merugikan kita," katanya.

(END)